

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : ONLINE

TARIKH : 07 JUN 2023

HARI : RABU

SENTIMEN : POSITIF

PEMIKIRAN BAHARU  
**Utusan  
Malaysia**

**Dapatkan Segera!**

Buku kompilasi **Kisah Seram** dan **Dari Mahkamah Syariah** yang disiarkan dalam **Kosmo!** dan **Mingguan Malaysia**

Harga **RM25\***



**APABILA LAMPU DIPADAM**  
Koleksi Kisah Seram

TERKINI

NASIONAL ▾

EKONOMI ▾

RINGGIT

LUAR NEGARA ▾

GAYA ▾

SUKAN ▾

RENCANA ▾

## Kerajaan perhalusi lanjut diskaun bayaran balik PTPTN



PUTRAJAYA: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) akan memperhalusi cadangan melanjutkan tempoh diskaun bayaran balik pinjaman pendidikan selepas mencapai sasaran kutipan pinjaman berjumlah RM1 bilion.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, pihaknya mengambil maklum mengenai cadangan agar tempoh pemberian insentif diskaun ini dilanjutkan bagi memberi peluang kepada peminjam yang tidak sempat membuat bayaran balik sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya, perkara ini akan diperhalusi bersama Kementerian Kewangan kerana melibatkan peruntukan tinggi daripada kerajaan.

Menurutnya, insentif pemberian diskaun yang bermula 1 Mac hingga akhir 31 Mei lalu itu mendapat sambutan menggalakkan daripada peminjam tabung itu sekali gus menunjukkan keprihatinan kerajaan kepada golongan berkenaan.

“Tawaran diskaun itu bermula 1 Mac lalu mencakupi empat kategori iaitu pemberian diskaun 20 peratus atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman dan diskaun 15 peratus untuk penyelesaian sekurang-kurangnya 50 peratus daripada baki hutang. “Selain itu, PTPTN juga menawarkan diskaun 15 peratus untuk bayaran balik melalui

potongan gaji atau Debit Terus mengikut jadual bayaran balik dan diskaun lima peratus untuk bayaran balik melalui aplikasi myPTPTN.

“PTPTN selaku agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi mengucap terima kasih kepada kerajaan kerana telah mengumumkan pemberian insentif diskaun bayaran balik pinjaman PTPTN kepada para peminjam yang telah berakhir pada 31 Mei lalu.

“Penghargaan kepada peminjam yang melaksanakan tanggungjawab membua bayaran balik sekali gus menikmati diskaun yang diberikan. Bayaran balik pinjaman anda merupakan kesinambungan pembiayaan kepada generasi akan datang,” katanya di sini baru-baru ini.

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/kerajaan-perhalusi-lanjut-diskaun-bayaran-balik-ptptn/>